



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA  
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 PUTRAJAYA

Tel.: 03-8000 8000  
Faks: 03-8889 5542  
Email: anhisham@moh.gov.my

Rujukan kami : KKM.100-6/1/193 Jld.5 (33)  
Tarikh : **10** Februari 2023

**SEPERTI SENARAI EDARAN**

*YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan*

**SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL. **3 /2023****

**BAYARAN LOCAL PRECEPTOR (LP) YANG MENJALANKAN TUGAS PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KEPADA PELAJAR INSTITUT PENGAJIAN TINGGI (IPT) YANG MENJALANI LATIH AMAL DI FASILITI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

**1. TUJUAN**

**1.1. Surat Pekeliling ini bertujuan untuk :**

- a) Memberi pemakluman berkaitan panduan am mengenai penetapan kadar bayaran kepada Local Preceptor (LP) yang menjalankan tugas pengajaran dan pembelajaran di fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang terdiri daripada Pengamal Perubatan merangkumi Jururawat berdaftar, Pegawai Farmasi, Penolong Pegawai Farmasi, Penolong Pegawai Perubatan dan Profesional Kesihatan Bersekutu (PKB) seperti Pegawai Sains, Pegawai Dietetik, Pegawai Kerja Sosial Perubatan, Juru X-Ray, Juruteknologi Makmal Perubatan, Pegawai Pemulihan Perubatan serta lain-lain PKB yang berkaitan.
- b) Menyelaras dan menyeragamkan tatacara lantikan LP serta bayaran oleh pihak Institut Pengajian Tinggi (IPT) kepada LP yang dilantik secara rasmi serta membolehkan bayaran yang diterima oleh penjawat awam itu lebih telus.
- c) Sebagai panduan kepada Ketua Jabatan serta LP yang dilantik bagi membantu proses pengajaran dan pembelajaran.
- d) Sebagai punca kuasa pembayaran imbuhan kepada LP.

## **2. TAKRIFAN**

### **2.1 Institut Pengajian Tinggi (IPT)**

Institusi Pengajian Tinggi yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti [Akta 30] atau Akta Universiti Teknologi MARA 1976 [Akta 173] atau Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555] atau Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatertib) 1976 [Akta 174].

### **2.2 Ketua Jabatan**

Ketua Jabatan bagi tujuan ini adalah merujuk kepada Ketua Pusat Tanggung Jawab (PTJ) di mana LP yang dilantik menjalankan tugas hakiki.

### **2.3 Local Perceptor (LP)**

Pegawai KKM yang dilantik oleh IPT setelah mendapat kelulusan bertulis dari Ketua Jabatan untuk membantu dalam aktiviti pembelajaran semasa penempatan pelajar di fasiliti KKM.

### **2.4 Fasiliti KKM**

Fasiliti yang diperakukan sebagai tempat latihan oleh Jawatankuasa Penggunaan Fasiliti termasuklah Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Kesihatan Negeri (JKN), Hospital, Pejabat Kesihatan Daerah, Pejabat Kesihatan Pintu Masuk Antarabangsa, Klinik Kesihatan, Institusi Perubatan, Institusi Kesihatan seperti Institut Kanser Negara (IKN), *National Institute of Health* (NIH), Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), Institut Perubatan Respiratori (IPR), Pusat Darah Negara (PDN), Klinik Pergigian, Makmal Kesihatan Awam dan Makmal Keselamatan dan Kualiti Makanan dan lain-lain fasiliti kesihatan tertakluk kepada pindaan semasa.

### **2.5 Pelajar**

Individu yang sedang mengikuti kursus pengajian daripada mana-mana IPT pada peringkat pra ijazah, ijazah atau lepasan ijazah.

## **3. LATAR BELAKANG**

Pada ketika ini, terdapat banyak permohonan daripada IPT untuk mendapatkan khidmat pegawai-pegawai KKM bagi membantu proses pengajaran dan pembelajaran pelajar di lapangan sebagai LP. Garis Panduan Penggunaan Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia Bagi Tujuan Latih Amal Pelajar/ Pelatih Pemberi Pendidikan Tinggi Edisi Kedua telah menggariskan kaedah pelantikan LP berdasarkan perkara 16 iaitu Panduan Pelantikan *Local Preceptor*. Panduan tersebut telah memberikan kebenaran kepada anggota KKM untuk dilantik sebagai LP bagi membantu proses pembelajaran pelajar IPT di fasiliti KKM dengan kebenaran Ketua Jabatan. Walau bagaimanapun, lantikan LP ini adalah satu alternatif sahaja sekiranya diperlukan dan IPT perlu memastikan pelajar yang menjalani latih amal mendapat bimbingan sepenuhnya daripada *Clinical Instructor* (CI). Ketua Jabatan perlu memastikan tugas hakiki pegawai yang dilantik tidak terjejas dan tidak membebangkan rakan sejawat yang lain.

Surat Pekeliling ini akan menjadi rujukan kepada Program Farmasi, Program Kesihatan Awam, Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu, Bahagian Kejururawatan dan Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan. Walau bagaimanapun, ianya tidak terpakai kepada LP yang dilantik untuk membantu pengajaran dan pembelajaran pelajar Institut Latihan KKM (ILKKM) dan Institut Latihan Kesihatan Angkatan Tentera (INSAN).

#### 4. KAEADAH PELAKSANAAN PELANTIKAN *LOCAL PRECEPTOR*

- 4.1 Pegawai KKM boleh dilantik menjadi LP untuk membantu dalam latihan pelajar dengan kebenaran bertulis daripada Ketua Jabatan.
- 4.2 Ketua Jabatan perlu memastikan tugas hakiki pegawai berkenaan tidak terjejas dengan penglibatan sebagai LP di mana tugas utama pegawai KKM dalam perkhidmatan rawatan kepada pesakit perlu diberi keutamaan supaya perkhidmatan rawatan tersebut tidak terjejas di samping tidak membebankan rakan sejawat lain dalam Jabatan/ unit masing-masing.
- 4.3 Permohonan daripada IPT perlu dibuat secara rasmi dan bertulis kepada Ketua Jabatan dan sesalinan kepada Pengarah Kesihatan Negeri/ Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (yang berkaitan). Permohonan ini perlu mendapat kebenaran oleh Ketua Jabatan dan dikemukakan **sekurang-kurangnya enam (6) bulan** sebelum penempatan.
- 4.4 Pegawai yang dilantik perlu mempunyai pengalaman klinikal sekurang- kurangnya **lima (5) tahun** atau tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.
- 4.5 LP yang dilantik tidak diambil kira sebagai tenaga pengajar institusi berkenaan.
- 4.6 Ketua Jabatan perlu memastikan perkhidmatan di fasiliti KKM tidak terjejas dengan penglibatan Pegawai KKM membantu sebagai tenaga pengajar.
- 4.7 **Tempoh sah lantikan LP** adalah **selama dua (2) tahun** dan pelantikan boleh diperbaharui mengikut keperluan dan kelulusan Ketua Jabatan.
- 4.8 IPT bertanggungjawab untuk memberi latihan dan taklimat kepada LP berkaitan tugas dan tanggungjawabnya.
- 4.9 LP yang dilantik mestilah **berdaftar dengan Badan Profesional (jika berkaitan)**.
- 4.10 Mempunyai **APC / sijil** pendaftaran tahunan tahun semasa (**jika berkaitan**).
- 4.11 Keutamaan diberikan kepada yang mempunyai sijil pos basik atau ijazah lanjutan yang berkaitan.
- 4.12 Proses kerja dan carta alir pelantikan LP oleh IPT adalah seperti di LAMPIRAN 6 dan LAMPIRAN 6A buku Garispanduan Penggunaan Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia Bagi Tujuan Latih Amal Pelajar/ Pelatih Pemberi Pendidikan Tinggi Edisi Kedua Tahun 2021.

## **5.0 KADAR INSENTIF UNTUK LOCAL PERCEPTOR**

**5.1** Bayaran insentif LP ini dibayar kepada LP Pengamal Perubatan merangkumi Jururawat berdaftar, Pegawai Farmasi, Penolong Pegawai Farmasi, Penolong Pegawai Perubatan dan Profesional Kesihatan Bersekutu (PKB) seperti Pegawai Sains, Pegawai Dietetik, Pegawai Kerja Sosial Perubatan, Juru X-Ray, Juruteknologi Makmal Perubatan, Pegawai Pemulihan Perubatan serta lain-lain PKB yang berkaitan.

**5.1.1** Semua LP yang dinyatakan di atas boleh menerima bayaran insentif pada kadar yang telah diluluskan oleh Pegawai Pengawal merujuk kepada no. Rujukan KKM.400-3/1/2 JLD.6 (7) bertarikh 19 September 2022 seperti di bawah:

Bil	Kumpulan Perkhidmatan	Kadar	Ketetapan Pegawai Pengawal
1	Kumpulan Pelaksana	RM 80.00 sejam	Had maksima sebulan: Tidak melebihi $\frac{1}{2}$ gaji bulanan pegawai
2	Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41-44	RM 120.00 sejam	
3	Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 45-52	RM150.00 sejam	
4	Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 53-54	RM 200.00 sejam	

**5.2** Bayaran insentif ini perlu dibayar oleh IPT yang melantik LP berkenaan.

**5.3** Ketua Jabatan perlu bertanggungjawab untuk mengawasi pegawai dan kakitangan dari semasa ke semasa bagi memastikan tugas hakiki pegawai adalah tidak terjejas serta mematuhi syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan. Tindakan tatatertib boleh dikenakan kepada pegawai dan Ketua Jabatan yang didapati cuai dalam menyelia pegawai/ kakitangan serta ketidakpatuhan dalam mana-mana peraturan yang berkuatkuasa.

## **6. SYARAT-SYARAT UNTUK MENERIMA BAYARAN INSENTIF**

- 6.1** LP perlu menerima lantikan rasmi dari IPT dengan mendapat kebenaran bertulis dari Ketua Jabatan.
- 6.2** Tugas pengajaran dan pembelajaran dilakukan di luar waktu bekerja, semasa bercuti atau *time off*.
- 6.3** Sekiranya tugas pengajaran dan pembelajaran dilakukan di dalam tempoh waktu bekerja LP tidak layak menerima sebarang bayaran insentif.

**7. PERMOHONAN UNTUK BAYARAN MENJALANKAN TUGAS SEBAGAI LOCAL PRECEPTOR (LP) DI FASILITI KESIHATAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

- 7.1** LP perlu mendapatkan kebenaran bertulis dari Ketua Jabatan dengan melengkapkan borang seperti di **LAMPIRAN 1**.
- 7.2** LP perlu menerima surat lantikan rasmi dari IPT.
- 7.3** Sesalinan surat kebenaran Ketua Jabatan serta surat lantikan IPT perlu dikemukakan ke Unit latihan JKN bagi tujuan rekod.
- 7.4** Bayaran insentif adalah dalam bentuk ringgit Malaysia sahaja.
- 7.5** Hanya LP yang menerima lantikan rasmi dibenarkan untuk menerima bayaran.

**8. PELAKSANAAN**

- 8.1** Pelaksanaan Surat Pekeliling ini adalah berkuatkuasa bermula dari tarikh pekeliling ini dikeluarkan.
- 8.2** Surat Pekeliling ini perlu dibaca bersama-sama Garis Panduan Penggunaan Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia Bagi Tujuan Latih Amal Pelajar/ Pelatih Pemberi Pendidikan Tinggi Edisi Kedua Tahun 2021.

**9. PERTANYAAN**

- 9.1** Sila rujuk sebarang pertanyaan mengenai Surat Pekeliling ini kepada :

**9.1.1** Pengarah Kanan  
Program Perkhidmatan Farmasi  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Tel : 03-7841 3200  
Website : <http://www.pharmacy.gov.my>

**9.1.2** Pengarah Kanan  
Program Keselamatan dan Kualiti Makanan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Tel : 03-8885 0797  
Website : <http://fsq.moh.gov.my>

**9.1.3** Pengarah Kanan  
Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Tel: 03-8883 4022  
Website: <https://bpka.moh.gov.my>

- 9.1.4** Pengarah  
Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Tel : 03-8890 1011  
Website : <http://alliedhealth.moh.gov.my>
- 9.1.5** Pengarah  
Bahagian Kejururawatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Tel : 03-8883 3537  
Website : <http://nursing.moh.gov.my>
- 9.1.6** Ketua Penolong Pengarah Kanan  
Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Tel : 03-8883 1370  
Website : <https://medicalprac.moh.gov.my/v2/LPP/portal/main.html>


## 10. PENUTUP

YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan adalah dimohon untuk melaksanakan arahan terbaru ini dengan sewajarnya dan memaklumkan perkara ini kepada semua fasiliti kesihatan dan IPT yang terlibat dengan program masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

*Saya yang menjalankan amanah,*

  
**(TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH)**

s.k    Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kanan  
Program Kesihatan Pergigian  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kanan  
Program Perkhidmatan Farmasi  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kanan  
Program Keselamatan & Kualiti Makanan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah  
Bahagian Perkembangan Perubatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah  
Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah  
Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah  
Bahagian Perubatan Tradisional & Komplimentari  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah  
Bahagian Amalan Perubatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah  
Bahagian Kejururawatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Setiausaha Sulit Kanan Kepada  
YB Menteri Kesihatan

## **SENARAI EDARAN**

1. Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Johor  
Persiaran Permai  
**81200 JOHOR BAHRU**  
Johor
2. Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka  
Tingkat 5, Wisma Persekutuan  
Jalan Business City, Bandar MITC  
**75450 AYER KEROH**  
Melaka
3. Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan  
Jalan Rasah  
**70300 SEREMBAN**  
Negeri Sembilan
4. Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan WP Kuala Lumpur & Putrajaya  
Jalan Cenderasari  
**50590 KUALA LUMPUR**  
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
5. Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor  
Tingkat 9.10 & 11, Wisma Sunwaymas  
Lot 1, Jalan Persiaran Kayanagan  
**40100 SHAH ALAM**  
Selangor
6. Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang  
Jalan IM4, Bandar Indera Mahkota  
**25582 KUANTAN**  
Pahang
7. Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Perak  
Jalan Koo Chong Kong  
**30000 IPOH**  
Perak

8. Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang  
33, Pengkalan Weld  
**10300 GEORGE TOWN**  
Pulau Pinang
  
9. Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah  
Jalan Kuala Kedah  
Simpang Kuala  
**05400 ALOR SETAR**  
Kedah
  
10. Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis  
Jalan Raja Syed Alwi  
**01000 KANGAR**  
Perlis
  
11. Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan  
Tingkat 5, Wisma Persekutuan  
Jalan Bayam  
**15590 KOTA BHARU**  
Kelantan
  
12. Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu  
Tingkat 5, Wisma Persekutuan  
Jalan Sultan Ismail  
**20920 KUALA TERENGGANU**  
Terengganu
  
13. Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak  
Jalan Diplomatik, Off Jalan Bako  
**93050 KUCHING**  
Sarawak
  
14. Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah  
Tingkat 3, Rumah Persekutuan  
Jalan Mat Salleh  
**88590 KOTA KINABALU**  
Sabah

15. Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan  
Peti Surat 80832  
**87018 LABUAN**  
Wilayah Persekutuan Labuan
16. Pengarah  
Hospital Kuala Lumpur  
23, Jalan Pahang  
**50586 KUALA LUMPUR**  
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
17. Pengarah  
Pusat Darah Negara  
Jalan Tun Razak, Titiwangsa  
**50400 KUALA LUMPUR**  
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
18. Pengarah  
Institut Kanser Negara  
4, Jalan P7, Presint 7  
**62250 PUTRAJAYA**  
Wilayah Persekutuan Putrajaya

**BORANG PERMOHONAN UNTUK BAYARAN MENJALANKAN  
TUGAS SEBAGAI *LOCAL PRECEPTOR (LP)*  
DI FASILITI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**BAGI BULAN ..... TAHUN .....**

**Kepada (Nama dan Alamat IPT):**

.....  
.....  
.....  
.....

**A. BUTIR-BUTIR PERIBADI**

1. Nama : .....
  2. No. Kad Pengenalan : .....
  3. Jawatan / Gred : .....
  4. Taraf Jawatan : .....
  5. Kelulusan Akademik Tertinggi : .....
  6. a) Gaji Pokok : .....
  - b) Elaun Memangku (Jika Ada) : .....
  - c) Nama Bank : .....
  - d) No. Akaun Bank : .....
  - e) Emel : .....
  - f) No.Telefon Pejabat : ..... No. H/P: .....
7. Nama dan Alamat Tempat Bertugas : .....
- .....  
.....

**B. REKOD AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN LATIH AMAL PELAJAR  
INSTITUT PENGAJIAN TINGGI (IPT) DI FASILITI KEMENTERIAN KESIHATAN  
MALAYSIA**

Nama Fasiliti : .....

Institut Pengajian Tinggi : .....

Program/ Pengajian :  
.....

Tempoh Penempatan :  
.....

Pelajar Di Fasiliti KKM

**C. AKTIVITI PENGAJARAN & PEMBELAJARAN YANG DIJALANKAN**

Bil.	Tarikh	Bil. Pelajar Dalam Satu-Satu Masa	Tempoh masa bersemuka (jam)	Aktiviti Yang Dilaksanakan (Tandakan (\checkmark) pada ruangan yang berkenaan)	Ringkasan Aktiviti Pengajaran & Pembelajaran*		
					Aktiviti bersempuka (i.e. melakukan prosedur mengikut SOP yang ditetapkan oleh jabatan)	Orientasi pelajar (i.e. ceramah berkaitan organisasi & SOP)	Sesi semakan assignment/disertasi/ kajian ilmiah Tajuk
1.					1. .... 2. .... 3. ....		
2.							
3.							
4.						Taklimat ringkas berkenaan unit	
5.						Sesi viva	
6.						Lain-lain aktiviti	
						1. .... 2. .... 3. ....	

\*Ringkasan Aktiviti Pengajaran & Pembelajaran ini adalah contoh sahaja dan aktiviti boleh diubah mengikut keperluan semasa

**D. KAEDAH TUNTUTAN MASA YANG DIGUNAKAN UNTUK SESI  
PEMBELAJARAN & PENGAJARAN**  
\*(Tandakan ( ✓ ) pada ruangan yang berkenaan)

Kaedah Tuntutan*		Tarikh dan Masa	Catatan
	<b>Cuti Rehat</b>		
	<b>Time Off</b>		
	<b>Selepas Waktu Pejabat</b>		

**Nota:**

Cuti rehat dan *time off* yang diluluskan oleh Penyelia

**E. PERAKUAN LOCAL PRECEPTOR**

Saya mengaku butir-butir yang dinyatakan di atas adalah benar.

Tandatangan *Local Preceptor* (LP)

Nama : .....

Jawatan : .....

Tarikh : .....

## F. SEMAKAN PENYELIA

Tandatangan Penyelia

Nama : .....

Jawatan : .....

Cop Jabatan : .....

Tarikh : .....

## G. PENGESAHAN KETUA JABATAN

Disahkan bahawa pegawai ini telah menjalankan tugasnya sebagai *Local Preceptor* (LP) di luar waktu tugas hakiki.

Tandatangan Ketua Jabatan

Nama : .....

Jawatan : .....

Cop Jabatan : .....

Tarikh : .....

### Dokumen yang perlu disertakan:

- Surat Lantikan *Local Preceptor* (LP) dari IPT.
- Salinan *Punch Card*/ Laporan Kehadiran yang telah disahkan.
- Salinan buku bank/ penyata bank.

\* Semua dokumen mestilah diakui sah oleh Ketua Jabatan.

